



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

BAYI 9 BULAN MENINGGAL DUNIA DISYAKI DIBUNUH PENGASUH

Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya **menzahirkan rasa hiba dan kesedihan yang amat mendalam** atas kematian seorang **bayi berumur 9 bulan** yang disyaki didera dan diperlakukan tanpa perikemanusiaan sehingga meninggal dunia oleh pengasuh .

Kementerian memohon agar kes ini disiasat **dengan teliti, dan hukuman yang tegas dan setimpal** diberikan kepada pesalah yang terlibat dengan penderaan dan salah laku kepada kanak-kanak. Kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak adalah keutamaan buat kita semua.

Saya menyeru agar rakyat Malaysia terus menanamkan rasa cintakan keluarga dan menghargai anak-anak sebagai suatu amanah dan anugerah daripada Tuhan. Saya berharap agar masyarakat turut menjadi “mata dan telinga” kepada pihak Kerajaan, dan terus memupuk sikap ambil peduli dan melaporkan sebarang kecurigaan yang berlaku di kawasan kediaman masing-masing kepada pihak berkuasa.

Rakyat juga dimohon untuk melaporkan terus sebarang kejadian yang diragui **ke Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam**. Orang awam juga boleh membuat laporan di

108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di seluruh negara atau Balai Polis yang berdekatan.

Dalam hal ini, saya turut menasihatkan agar **ibu bapa dapat membuat penilaian yang menyeluruh sebelum memilih pengasuh yang bersesuaian untuk menjaga anak-anak mereka.** Maklumat berkaitan pengasuh berdaftar boleh diperolehi di laman rasmi **Jabatan Kebajikan Masyarakat di alamat jkm.gov.my.** Sekali lagi saya mengingatkan kepada semua bahawa, keselamatan dan kesejahteraan anak-anak perlulah menjadi keutamaan agar tragedi yang sama tidak berulang.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
1 MEI 2021**

#Tamat #